

## BAS TAMBAH

Bas tambah ialah satu laluan tunggal dengan beberapa item bagi suatu sistem komputer yang dipasang secara selari padanya supaya isyarat-isyarat boleh dihantar di antaranya. Ia juga adalah suatu laluan set elektronik yang membenarkan maklumat dan isyarat dihantar melaluinya di antara komponen-komponen dalaman dan luaran komputer.

Bas merupakan satu laluan elektronik bagi aliran isyarat dari satu titik ke satu titik dalam arus. Semakin besar bas semakin cepat data dapat diproses, semakin lebar bas semakin banyak data dapat dibawa.

**Bas Data** - Membawa data dari satu tempat ke satu tempat.

**Bas Alamat** - Ia merupakan laluan sehalu yang digunakan untuk mencari lokasi untuk mencari lokasi untuk arahan seterusnya yang hendak dilaksanakan.

**Bas Kawalan** - Merupakan laluan sehalu untuk semua fungsi pemasa dan kawalan.

Bas tambah dihubungkan dengan beberapa komponen utama sistem komputer seperti unit pemprosesan pusat, alatan input/output, alat peranti, slot penambah dan memori. Bas tambah membenarkan pelbagai peranti ditambahkan kepada komputer. Dengan ini, ia akan dapat menambahkan keupayaan sistem komputer. Sistem bas yang disambung dalam satu hierarki yang menyambungkan beberapa sistem bas yang membentuk satu sistem pengangkutan tersendiri. Pada kebiasaannya, sistem bas komputer peribadi kini mempunyai empat jenis bas yang bersambung antara satu sama lain iaitu bas ISA atau EISA (*Industry Standard Architecture* atau *Extended ISA*), bas PCI (*Peripheral Componen Interconnet*), bas USB (*Universal Serial Bus*) dan bas dalaman.

Berikut adalah beberapa jenis sistem bas yang menjadi sistem pengangkutan dalam komputer peribadi.

**ISA** - (*Industrial Standard Architecture*). Diperkenalkan pada tahun 1984 oleh IBM PC. Boleh membawa 8 bit dan 16 bit data.

**EISA** - (*Enhanced Industrial Standard Architecture*). Direka pada tahun 1988. COMPAQ, 32 bit - terlalu mahal (kurang diminati).

**VESA** - (*Video Electronic Standard Architecture*). Membolehkan komputer compatible karen video membawakan bas lebih luas, 32 bit data.

**PCI** - (*Peripheral Componen Interconnet*). Lebih laju berbanding VESA, digunakan di dalam komputer pentium 32 bit dan 64 bit.

**USB** - (*Universal Serial Bus*). Teknologi bas yang diperkenalkan menggantikan port sesiri piawai komputer peribadi. Berkelajuan 12 megabit sesaat dan boleh menyambungkan beberapa peralatan kepadanya (maksimum 127 alat) berbanding dengan port sesiri asal yang hanya boleh menyambung satu alat sahaja kepadanya. Sistem bas USB menyokong sepenuhnya peralatan-peralatan yang mempunyai kelajuan rendah seperti pengimbas, papan kekunci, kayu ria, pencetak, modem, tetikus, kamera pegun dan lain-lain.

**BIBLIOGRAFI** Dicapai daripada [http://webopedia.lycos.com/Term/E/expansion\\_bus.html](http://webopedia.lycos.com/Term/E/expansion_bus.html) • Dicapai daripada <http://www.org.com/reference/dictionary/terms/B/Bus.html> • Dicapai daripada [http://www.pccomputernotes.com/system\\_bus/bus01.html](http://www.pccomputernotes.com/system_bus/bus01.html).

Fazli Azzali

